

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NASIONAL

## Hospital tangguh pembedahan

**Kota Bharu:** Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) mengambil beberapa inisiatif susulan banjir termasuk menangguhkan pembedahan elektif sehingga diberitahu kelak.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Datuk Dr Zaini Husin, pihaknya juga mengenal pasti pesakit yang dibuat penilaian dan dibenarkan untuk pulang. "Antara inisiatif lain adalah sedia perkhidmatan kenderaan hospital iaitu dua pikap dan sebuah lori untuk mengambil kakitangan hospital yang boleh bertugas, namun tidak dapat hadir berikutan laluan ditutup kepada kenderaan ringan.

"Semoga semua inisiatif ini dapat membantu kelangsungan perkhidmatan kesihatan, khususnya kepada masyarakat di Kelantan.

"Jabatan Kesihatan negeri sedia untuk memberi khidmat terbaik bagi meneruskan kesinambungan perkhidmatan kesihatan kepada pesakit," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Mengulas banjir di HRPZ II, Dr Zaini berkata, situasi masih dalam keadaan terkawal.

Katanya, sehingga pagi semalam hanya satu wad terjejas dan enam pesakit sudah dipindahkan ke wad lain.

"Berikutan laporan Jabatan

Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) menjangkakan hujan berterusan (bahaya) sehingga esok (hari ini), air mula bertakung di longkang sekitar bangunan lama HRPZ II sejak petang semalam (kelmarin).

"Jam 10 malam tadi (kelmarin), arahan pemasangan pintu tebatan banjir di pagar tiga dan empat (pintu laluan utama ke HRPZ II) diaktifkan Pengarah HRPZ II, Datuk Dr Abdul Haris Muhammad.

"Bagaimanapun, pagi tadi (semalam) pintu laluan utama hospital kembali dibuka sejak jam 7.30 pagi selepas banjir mulai surut," katanya.

Hujan lebat berterusan sejak kelmarin, menyebabkan Hospital Tengku Anis (HTA) di Pasir Puteh turut dilanda banjir.

Selain pekarangan hospital, unit kecemasan, bahagian farmasi serta wad lain dimasuki air sejak malam tadi.

Dr Zaini berkata, air mula memasuki wad serta unit lain bermula jam 8.30 malam kelmarin, berikutan hujan lebat berterusan.

"Susulan itu, kakitangan hospital bertungkus-lumus mengangkat peralatan elektrik seperti peti sejuk dan peti vaksin ke tempat yang lebih tinggi," katanya.



Wad Hospital Tengku Anis Pasir Puteh, digenangi air, semalam.

(Foto ihsan pembaca)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NASIONAL

## Kadar pesakit COVID-19 masuk hospital turun

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan beberapa indikator COVID-19 menurun, termasuk jumlah kemasukan pesakit ke fasiliti kesihatan berkurangan 21.6 peratus pada Minggu Epidemiologi (ME) 50/2022, berbanding minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bagi ME sepanjang tempoh 11 hingga 17 Disember itu, jumlah kemasukan pesakit bagi kategori satu dan dua menurun 28.6 peratus, manakala kategori tiga, empat, lima menurun 31 peratus.

"Peratus pengisian katil fasiliti COVID-19 pada ME 50/2022 bagi katil bukan kritikal menurun enam peratus, manakala katil unit rawatan rapi (ICU) menurun tujuh peratus.

"Peratusan pesakit COVID-19 memerlukan alat bantuan pernafasan pula meningkat 0.8 peratus pada ME 50/2022, berbanding minggu sebelumnya," katanya semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : LOKAL

## Kes baharu mingguan Covid-19 turun hingga 33.7 peratus

**Kuala Lumpur:** Kes baharu Covid-19 di seluruh negara turun 33.7 peratus kepada 7,249 kes pada Minggu Epidemiologi ke-50 (ME 50/2022) iaitu dari 11 hingga 17 Disember berbanding 10,937 kes pada ME sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata bilangan

kes tempatan turun 33.8 peratus daripada 10,923 kes kepada 7,232 kes bagi ME50/2022 manakala kes import meningkat 21.4 peratus daripada 14 kes kepada 17 kes.

"Bilangan kes sembuh pada ME 50/2022 turun 30.3 peratus (14,816 kes kepada 10,330 kes). Bilangan kes kematian pada ME 50/2022

meningkat 9.3 peratus (43 kes kepada 47 kes)," kata beliau dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya secara kumulatif, 5,017,016 kes baharu Covid-19 direkodkan sejak 25 Januari 2020 (ME 4/2020) hingga 17 Disember lepas sementara 4,964,534 kes sembuh dan 36,800 kes kematian dicatatkan bagi

tempoh yang sama.

Dr Noor Hisham berkata 7,462 kluster direkodkan secara kumulatif dengan 21 kluster masih aktif.

Mengenai kemasukan pesakit ke hospital dan Pusat Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) bagi setiap 100,000 penduduk, beliau berkata secara keseluruhannya ia tu-

run 21.6 peratus.

Turut menunjukkan trend penurunan adalah jumlah kemasukan ke hospital awam bagi kategori satu (tidak bergejala) dan dua (bergejala) dengan penurunan 28.6 peratus, manakala bagi kategori tiga (mempunyai radang paru-paru), empat (perlu bantuan oksigen) serta lima (perlu alat

bantuan pernafasan) turun 31 peratus.

Selain itu, beliau berkata peratus pengisian katil fasiliti termasuk katil bukan kritikal dan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) serta kes positif Covid-19 yang dipantau Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara turut menunjukkan penurunan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : LOKAL

## HRPZ II tangguh pembedahan elektif, benar pesakit balik

**Kota Bharu:** Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) mengambil beberapa inisiatif susulan bencana banjir yang melanda termasuk menangguhkan pembedahan elektif sehingga diberitahu kelak.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Datuk Dr Zaini Husin berkata, pihaknya mengenal pasti pesakit yang dibuat penilaian dan dibenarkan pulang ke rumah.

“Antara inisiatif lain diambil adalah menyediakan perkhidmatan kenderaan hospital iaitu dua trak dan sebuah lori untuk mengambil kakitangan hospital yang boleh bertugas namun tidak dapat hadir kerja berikutan keadaan jalan ditutup kepada kenderaan ringan.

“Semoga semua inisiatif ini membantu kelangsungan perkhidmatan kesihatan khususnya kepada masyarakat di Kelantan.

“Jabatan Kesihatan Negeri bersedia memberi perkhidmatan terbaik bagi meneruskan kesinambungan perkhidmatan kesihatan

kepada pesakit,” katanya menerusi kenyataan media di sini, semalam.

Mengulas mengenai banjir di HRPZ II, Dr Zaini berkata, situasi banjir di hospital berkenaan masih terkawal.

Katanya, sehingga pagi semalam hanya satu wad terjejas dan enam pesakit dipindahkan ke wad lain.

“Berikutan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menjangkakan hujan berterusan (bahaya) dijangka berlaku sehingga esok (hari ini), air mula bertakung di longkang sekitar bangunan lama HRPZ II sejak petang kelmarin.

“Jam 10 malam tadi (kelmarin), arahan pemasangan pintu tebatan banjir di pagar tiga dan empat (pintu laluan utama ke HRPZ II) diaktifkan oleh Pengarah HRPZ II Datuk Dr Abdul Haris Muhammad.

“Bagaimanapun, pagi tadi (semalam) pintu laluan utama hospital kembali dibuka sejak jam 7.30 pagi tadi selepas banjir mulai surut,” katanya.



KAWASAN HRPZ II yang dinaiki air susulan hujan lebat berterusan.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Death of baby on bus possibly due to meningitis

**KUCHING:** The death of a baby that reportedly happened while on a bus journey with his mother from Kuching to Sarikei recently could have been due to meningitis, according to the Sarawak Health Department.

Meningitis is an inflammation of the protective membranes covering the brain and spinal cord.

A bacterial or viral infection of the fluid surrounding the brain and spinal cord usually causes the swelling.

Department director Dr Ooi Choo Huck said the possible cause of death was reached based on an interview with the parents, medical records and a physical examination of the deceased infant.

"According to the final investigation report on the issue, the three-month-old boy died on the bus while travelling with his mother from Kuching to Sarikei on Dec 4, (en route to seeking) traditional treatment," he said yesterday.

He added that the mother realised the child was not breathing when they stopped at the Jelukong bus stop in Sri Aman, and was then taken to the Betong Hospital nearby, where the baby was pronounced dead.

"However, the post-mortem was not performed because the family did not agree to it and the baby's body was later taken home by the family and buried," he said.

Ooi advised the public to immediately take ill children to the nearest health facility, such as a clinic or hospital. - Bernama

## New Covid cases down by 33.7%

**KUALA LUMPUR:** New Covid-19 cases in the country dropped by 33.7% to 7,249 cases in the 50th Epidemiological Week (ME 50/2022) from Dec 11 to 17, compared with 10,937 the previous week.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said yesterday local cases dropped by 33.8% from 10,923 to 7,232 cases in ME50/2022 while imported cases rose by 21.4%, from 14 to 17.

He said the number of recoveries during the same week was also lower by 30.3% from 14,816 cases to 10,330 while death cases went up by 9.3%, from 43 to 47.

Noor Hisham added that cumulatively, there were 5,017,016 new cases of Covid-19 recorded from ME 4/2020, which was from Jan 25, 2020 to Dec 17 this year, while recoveries logged for the same period numbered 4,964,534, with 36,800 deaths.

He also said the cumulative number of clusters was 7,162, with 21 still active.

On admissions to hospitals and Low-Risk Covid-19 Treatment Centres per 100,000 population, he said the figures dropped by 21.6%, adding that admissions to public hospitals for Category One (asymptomatic) and Category Two (with symptoms) cases saw a decline of 28.6% while for categories Three (with lung infection), Four (requiring oxygen aid) and Five (on ventilator), cases dropped by 31%. - Bernama